



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1998

PELAKSANAAN HARI REHAT SABTU
DI BAWAH SISTEM WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda Waktu Peringkat di bawah sistem Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berikutan pelaksanaan Hari Rehat Sabtu di seluruh negara.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan **Hari Rehat Sabtu** di sektor awam akan dilaksanakan melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1998](#) mulai 1 Januari 1999. Kemudahan ini juga terpakai bagi anggota sektor awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengamalkan WBB.

PELAKSANAAN

3. Waktu Pejabat di bawah sistem WBB **tidak berubah**. Walau bagaimanapun, Waktu Peringkat bagi setiap anggota sektor awam ditambah sebanyak 15 minit dari hari Isnin hingga hari Jumaat dan dikurangkan 7 minit pada hari Sabtu.

4. Oleh itu, dua Waktu Peringkat (WP1 dan WP2) di perenggan 7 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1998](#) dipinda seperti berikut -

WP 1	Mula			Tamat	
ISNIN hingga KHAMIS	0730	1215	Masa Rehat	1330	1600
JUMAAT	0730	1215	Pejabat ditutup	1445	1600
SABTU	0730	1208			

WP 2	Mula				Tamat
ISNIN hingga KHAMIS	0815	1330	Masa Rehat	1445	1645
JUMAAT	0815	1215	Pejabat ditutup	1445	1645
SABTU	0837	1315			

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1999.


PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, WP1 dan WP2 di perenggan 7 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1998](#) adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

16 Disember 1998

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Pihak Berkuasa Berkanun di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur